

15/05/2000

Keluarga miskin, ibu tunggal terima bantuan

KUANTAN, Ahad - Lima keluarga miskin, termasuk dua ibu tunggal di Mukim Sungai Karang, dekat sini, menerima bantuan rumah menerusi Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) sumbangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan kerajaan negeri, berharga RM12,000 seunit.

Tiga daripada rumah PPRT berkenaan dibina di Kampung Balok, manakala bakinya dua unit rumah lagi dibina di Kampung Sungai Ular.

Penghulu Mukim Sungai Karang, Khairuddin Suhadi berkata, bantuan rumah berkenaan sekurang-kurangnya dapat meringankan beban keluarga itu.

Menurutnya, semua lima keluarga berkenaan boleh mendiami rumah itu esok apabila kerja membina rumah oleh lebih 50 peserta khemah kerja yang menyertai sambutan Hari Belia Negara di sini, menyelesaikan kerja itu, hari ini.

Beliau berkata, ketua keluarga rumah berkenaan akan menerima replika kunci rumah masing-masing daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena majlis perasmian Hari Belia Negara, di Kompleks Sukan Pahang (Sukpa), esok.

"Sempena Hari Belia Negara, rumah berkenaan dibina secara bergotong-royong membabitkan penyertaan belia dari seluruh negara yang berkhemah di Pantai Balok.

"Pembinaan rumah yang dilengkapi kemudahan asas, termasuk bekalan elektrik dan air ini dilakukan dengan kerjasama KPLB dan kerajaan negeri, membabitkan kos RM12,000 seunit.

"Kita harap keluarga terbabit akan tinggal dengan lebih selesa di rumah baru yang dibina itu berbanding rumah lama mereka yang sangat uzur, selain menumpang di tanah milik orang lain," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Sementara itu, seorang penerima rumah PPRT berkenaan, Daud Soh, 57, yang bekerja sebagai nelayan sambil dengan pendapatan RM200 sebulan, berkata bantuan rumah itu mampu mengurangkan beban keluarganya yang terpaksa berpindah randah kerana menyewa rumah.

"Pendapatan saya yang tidak tetap menyebabkan saya sukar untuk menyewa di rumah yang selesa.

"Bagaimanapun, saya berterima kasih terhadap keprihatinan kerajaan yang prihatin dengan masalah keluarga saya, sehingga melayakkan kami mendiami rumah PPRT ini," katanya yang sudah kematian isteri dan mempunyai empat anak.

(END)